

- British American Tobacco Malaysia, syarikat yang mempunyai pengurusan keseluruhan terbaik .
- *Asiamoney, Disember 2000/Januari 2001*
- British American Tobacco Malaysia, menampilkkan prestasi korporat paling cemerlang berasaskan kepada Pulangan Ke Atas Ekuiti (ROE) purata lima tahun sebanyak 123.6 peratus.
- *Smart Investor, Disember 2000*
- Rancangan penyusunan semula korporat British American Tobacco Malaysia - terbaik tahun ini.
- *The Edge, 25 Disember 2000*

Mengenai Kami

British American Tobacco (Malaysia) Berhad

British American Tobacco (Malaysia) Berhad diasaskan daripada pergabungan perniagaan tembakau Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad dan Malaysian Tobacco Company Berhad pada 3 November 1999. Pergabungan tersebut menyatukan dua buah syarikat terkemuka, kakitangan berbakat, berpengalaman dan portfolio yang tiada tandingan daripada jenama antarabangsa yang amat berjaya untuk mewujudkan syarikat tembakau terbesar di negara ini.

Kini, kami merupakan peneraju ulung industri tembakau Malaysia, dengan menguasai hampir 70 peratus bahagian pasaran dan ditaraf antara 10 syarikat terbaik di Bursa Saham Kuala Lumpur. British American Tobacco Holdings (Malaysia) B.V. adalah pemegang saham terbesar syarikat ini dengan pemegangan 50 peratus saham. Para pemegang saham utama lain termasuk Permodalan Nasional Berhad, Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. - Skim Amanah Saham Bumiputera.

British American Tobacco Malaysia mengilang dan memasarkan produk tembakau berkualiti tinggi yang dicipta untuk memenuhi keperluan berbagai pilihan pengguna. Portfolio jenama kami meliputi nama-nama terkemuka antarabangsa seperti Dunhill, Kent, Perilly's, Benson & Hedges, Peter Stuyvesant, Lucky Strike dan State Express 555.

Gabungan sejarah kami selama 90 tahun di Malaysia kembali ke tahun 1912 apabila pejabat perdagangan pertama kami ditubuhkan di Kuala Lumpur. Kepakaran yang tidak ternilai ini, berserta dengan teknologi peneraju dan sistem serta proses cekap yang digunakan dalam semua aspek aktiviti perniagaan kami, meletakkan kami pada kedudukan yang paling sesuai untuk menghadapi cabaran masa hadapan.

Buat masa ini, kami mempunyai pekerja seramai 1,300 yang terlibat di dalam spektrum penuh industri tembakau, dari pembelian dan pemprosesan daun hingga kepada pengilangan, pemasaran dan pengedaran. Rangkaian pengedaran komprehensif kami meliputi segenap pelusuk negara ini, memastikan jenama kami boleh didapati di mana jua di Malaysia.

Matlamat kami adalah untuk mengekalkan kepimpinan kami dalam industri ini melalui peningkatan penguasaan bahagian perniagaan tembakau dan memuaskan permintaan pengguna dengan lebih baik dan menghasilkan tahap keuntungan yang lebih tinggi berbanding pesaing kami. Untuk mencapai matlamat ini, kami melaksanakan usaha pemasaran kami dengan penuh tanggungjawab dan sensitif terhadap persekitaran kami. Bagi kami, kepimpinan kami melampaui penguasaan bahagian pasaran semata-mata; ia turut merangkumi kepimpinan berkualiti – pada pandangan anda dan pada pandangan para pemegang kepentingan kami. Walaupun tembakau berkemungkinan menjadi produk kontroversi, namun ia juga merupakan salah satu industri penting yang memenuhi peranan ke arah pertumbuhan dan pembangunan masyarakat di mana kami beroperasi. Kami komited untuk memainkan peranan ini dengan sebaik mungkin.

www.batmalaysia.com

British American Tobacco p.l.c.

British American Tobacco p.l.c. adalah kumpulan tembakau antarabangsa yang paling luas di dunia – dengan kehadiran perniagaan secara aktif di 180 negara, menguasai 15.4 peratus bahagian pasaran dan peneraju pasaran di lebih 50 negara.

Kami adalah syarikat barang pengguna cepat laris utama, dengan portfolio teguh jenama antarabangsa, serantau dan negara, melalui rokok adunan tembakau Virginia dan Amerika. Kami berbangga dengan reputasi kukuh kami kerana memiliki jenama-jenama berkualiti tinggi dan dengan portfolio global yang berpelbagai daripada 320 jenama, kami menawarkan sesuatu untuk menepati setiap citarasa.

Jenama antarabangsa kami yang terkemuka adalah Dunhill, Lucky Strike, Kent, State Express 555, Benson & Hedges, Rothmans, Pall Mall, Peter Stuyvesant, Kool, Viceroy, Winfield dan John Player Gold Leaf. Jenama serantau dan nasional kami yang terkemuka antara lain termasuk Belmont, Derby, Free, Hollywood, GPC, Courtleigh, dan Ardath.

Sebagai sebuah syarikat bertaraf global yang beroperasi dalam budaya dan ekonomi yang sangat berpelbagai, kami bergantung kepada individu-individu berkewibawaan tinggi, yang diberi kepercayaan untuk memikul tanggungjawab dan kuasa penting, untuk melaksanakan pertimbangan dan kemahiran sendiri dalam mengendalikan perniagaan di setiap negara dan budaya, di dalam rangka kerja prinsip-prinsip garis panduan yang sama. Gaya berbilang budaya British American Tobacco digambarkan melalui pemilihan kakitangan kami di seluruh dunia. Kumpulan mempunyai hampir 90,000 orang kakitangan di seluruh dunia dengan lebih 60 warganegara bekerja di luar negara asal mereka.

www.bat.com



Peristiwa Penting dalam Tahun

| | Tahun berakhir 31.12.00 | Berbanding sembilan bulan berakhir 31.12.99 |
|--------------------------|----------------------------|---|
| Keuntungan sebelum cukai | RM 701.2 juta | +118% |
| Pendapatan sesaham | 177 sen | +123% |
| Dividen bersih sesaham | 170 sen | +69% |

- Pencapaian mendapat manfaat dari keadaan pasaran yang bertambah baik.
- Dunhill terus berkembang, mengekalkan kedudukannya yang terunggul.
- Lembaga Pengarah mengesyorkan dividen bersih akhir, yang mencatatkan rekod sebanyak 91 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2000.

Kandungan

- 67 Kalendar Kewangan/Maklumat Penting Kewangan
68-69 Lembaga Pengarah/Kumpulan Pengurusan
70-73 Penyata Pengerusi
74-79 Tinjauan Pengarah Urusan
80-83 Tinjauan Pengarah Kewangan
84-86 Pengawasan Korporat
87-88 Jawatankuasa Audit
89 Maklumat Penting Kewangan Lima Tahun
90 Maklumat Harga Saham

Notis Mesyuarat Agung Tahunan

DENGAN INI ADALAH DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Ke empat Puluh British American Tobacco (Malaysia) Berhad akan diadakan pada hari Rabu, 18 April 2001 pukul 11.00 pagi di Kristal Ballroom, Hilton Petaling Jaya, No. 2 Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor untuk melaksanakan urusan-urusan berikut:-

Urusan

1. Untuk menerima dan meluluskan akaun yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2000 dan laporan Pengarah dan Juruaudit mengenainya. (Resolusi 1)
2. Untuk meluluskan pengisytiharan dan pembayaran dividen akhir. (Resolusi 2)
3. (a) Untuk melantik semula para Pengarah berikut yang bersara menurut Artikel 91 dan 92 Tataurusan Pertubuhan Syarikat:
Dato' Phan Boon Siong (Resolusi 3)
Encik Oh Chong Peng (Resolusi 4)
Dr Syed Hussain bin Syed Husman (Resolusi 5)
- (b) Untuk melantik Pengarah berikut menurut Artikel 76 Tataurusan Pertubuhan Syarikat:
Encik Johann Roelofse (Resolusi 6)
4. Untuk meluluskan peningkatan yuran bagi para Pengarah Bukan Eksekutif. (Resolusi 7)
5. Untuk melantik semula PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan bayaran mereka. (Resolusi 8)
6. Urusan lain.

Dengan perintah Lembaga Pengarah


Linda G. Oliveira
Setiausaha

Petaling Jaya
27 Mac 2001

Nota-Nota:

1. Seseorang ahli yang layak untuk hadir dan mengundi di mesyuarat agung ini adalah layak untuk melantik proksi atau proksi-proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Seseorang proksi tidak semestinya ahli Syarikat.
2. Borang Proksi perlu diserahkan ke pejabat berdaftar Syarikat tidak lewat dari empat puluh lapan jam sebelum waktu mesyuarat ditetapkan berlangsung atau sebarang penangguhannya.

Kalendar Kewangan

| | |
|--|-------------------|
| Penerbitan Keputusan Pertengahan | 31 Julai 2000 |
| Bayaran Dividen Pertengahan 2000 | 11 September 2000 |
| Akhir Tahun Kewangan | 31 Disember 2000 |
| Pengumuman Keputusan Tahunan Kewangan | 21 Februari 2001 |
| Penerbitan Laporan Tahunan 2000 | 27 Mac 2001 |
| Mesyurat Agung Tahunan ke-empat Puluh | 18 April 2001 |
| Tarikh yang Dicadangkan bagi Pembayaran Dividen Akhir 2000 | 11 Mei 2001 |

Maklumat Penting Kewangan Kumpulan

| | Tahun kewangan dari 1.1.00 hingga 31.12.00 RM'000 | Tahun kewangan dari 1.4.99 hingga 31.12.99 RM'000 |
|--|---|---|
| Hasil | 2,772,008 | 1,545,152 |
| Keuntungan Sebelum Cukai | 701,185 | 322,314 |
| Keuntungan Milik Para Pemegang Saham | 505,958 | 226,610 |
| Dana Pemegang Saham | 367,206 | 346,649 |
| Pulangan Bersih ke Atas Dana Pemegang Sesaham (%) | 137.8 | 65.4 |
| Pendapatan Sesaham (sen) | 177 | 79 |
| Dividen Bersih Sesaham (sen) | 170.0 | 100.8 |

Lembaga Pengarah

| | |
|--|--|
| * Tan Sri Abu Talib bin Othman (Pengerusi) | * Oh Chong Peng |
| Donald Stuart Watterton | # Brian Christopher Barrow (meletak jawatan pada 31.10.2000) |
| * Tan Sri Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin | # Johann Roelofse (dilantik pada 15.12.2000) |
| * Dato' Dr Mohd. Noor bin Ismail | Chan Choon Ngai |
| * Mej. Jen (B) Dato' Haji Fauzi bin Hussain | James Campbell Irvine |
| * Rohana binti Ismail (Pengarah pengganti kepada Dato' Dr Mohd. Noor bin Ismail) (meletak jawatan pada 13.12.2000) | Syed Agil bin Syed Ali (meletak jawatan pada 7.2.2001) |
| | Dato' Phan Boon Siong |
| | Dr Syed Hussain bin Syed Husman |
| | * <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas</i> |
| | # <i>Pengarah Bukan Eksekutif</i> |

* Tan Sri Abu Talib bin Othman (63), PMN, PSM, SIMP, SSSA, DGSM, DPMS, DMPN, DCSM, JSM, KMN, PPT

Tan Sri Abu Talib yang dilantik sebagai Pengaruh pada tahun 1994, mempunyai pengalaman bekerja selama 37 tahun, 31 tahun daripadanya di dalam perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia. Beliau menjadi Peguam Negara Malaysia selama 13 tahun dari tahun 1980. Kini, Tan Sri Abu Talib menganggotai Lembaga Pengarah beberapa syarikat awam tersenarai seperti Tan & Tan Developments Berhad – "Kumpulan", Sapura Telecommunications Berhad, Crest Petroleum Berhad, Alliance Bank Malaysia Berhad, IGB Corporation Berhad, MUI Continental Insurance Berhad, Sime Darby Berhad, Multi-Purpose Unit Trust Management Berhad, Renong Berhad, TIME dotCom Berhad, Ganad Corporation Berhad, TIME dotNet Berhad dan Prime Utilities Berhad. Tan Sri Abu Talib turut mengetuai Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Ganjaran Lembaga Pengarah British American Tobacco Malaysia.

Donald Stuart Watterton (53)

Encik Watterton yang dilantik sebagai Pengarah pada November 1999, telah menyertai British American Tobacco p.l.c. pada tahun 1972 dan pernah bertugas di pelbagai negara di seluruh dunia. Dari tahun 1988-1995 beliau merupakan Pengarah British American Tobacco Company Limited dan sebelum menyertai British American Tobacco Malaysia sebagai Pengarah Urusan, beliau memegang jawatan sebagai Ketua Eksekutif WD & HO Wills (Australia) Limited. Encik Watterton adalah Fellow Institute of Chartered Accountants di England and Wales. Beliau turut menganggotai Jawatankuasa Ganjaran Lembaga Pengarah British American Tobacco Malaysia.

James Campbell Irvine (42)

Encik Irvine yang dilantik sebagai Pengarah pada November 1999, telah menyertai British American Tobacco p.l.c. sebagai Juruaudit Antarabangsa pada tahun 1986 dan pernah bertugas di syarikat-syarikat yang beroperasi di Amerika Tengah dan Selatan. Encik Irvine pernah menyandang berbagai jawatan penting di Sepanyol, China, Malaysia, New Zealand dan Papua New Guinea. Sebelum dilantik sebagai Pengarah Kewangan British American Tobacco Malaysia, beliau merupakan Pengarah Rantau Asia Pasifik. Encik Irvine turut menganggotai Lembaga Pengarah Tien Wah Press Holdings Berhad dan Peter Stuyvesant Travel Services Sdn. Bhd. Beliau adalah Ahli Bersekutu Chartered Institute of Management Accountants.

Thye Heng Ong (50)

Encik Thye yang menyertai Kumpulan British American Tobacco pada April 1976 dan pernah menyandang berbagai jawatan penting di dalam bahagian Pengeluaran seperti Pengurus Pemprosesan Daun, Pengurus Kilang dan Pengarah Pengeluaran. Pada tahun 1990, beliau menjadi Pengurus Kilang British American Tobacco, Hong Kong. Beliau dilantik sebagai Pengarah Pasukan Penyatuan Loji bagi British American Tobacco Malaysia dari bulan November 1999 dan merupakan seorang ahli Kumpulan Pengurusan British American Tobacco Malaysia.

Kumpulan Pengurusan

| | |
|--|---|
| Donald Stuart Watterton Pengarah Urusan | Dr Syed Hussain bin Syed Husman Pengarah Sumber Manusia |
| James Campbell Irvine Pengarah Kewangan | Thye Heng Ong Pengarah Penyatuan Loji Pasukan |
| Chan Choon Ngai Pengarah Operasi | Sharifah Rozita Syed Sulaiman Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perundangan |
| Dato' Phan Boon Siong Pengarah Pemasaran | Zainal Arifin Khalid Pengarah Teknologi Maklumat |

Dr Syed Hussain bin Syed Husman (44), JP

Dr Syed Hussain telah menyertai British American Tobacco Malaysia pada Januari 1997 sebagai Pengarah, Sumber Manusia & Hal Ehwal Korporat. Beliau telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada November 1997. Sebelum berkhidmat di British American Tobacco Malaysia, beliau merupakan Pengarah Sumber Manusia dan Hal Ehwal Luar Procter & Gamble Malaysia/Singapura. Sebelum itu, Dr Syed Hussain juga pernah bertugas di Kumpulan Syarikat ICI sebagai Pengurus Sumber Manusia Kumpulan. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah Peter Stuyvesant Travel Services Sdn. Bhd. dan turut menganggotai Jawatankuasa Ganjaran Lembaga Pengarah British American Tobacco Malaysia.

Chan Choon Ngai (46)

Encik Chan yang menjadi Pengarah sejak tahun 1995 telah menyertai British American Tobacco Malaysia pada tahun 1979. Sejak itu, beliau telah memegang pelbagai jawatan penting di dalam Bahagian Pengeluaran dan telah dilantik sebagai Pengarah Pengeluaran pada bulan Oktober 1995. Kini, beliau turut menganggotai Lembaga Pengarah Tien Wah Press Holdings Berhad.

*** Dato' Dr Mohd. Noor bin Ismail (68), DSJ, JMN, PIS, PPT**

Dato' Dr Mohd. Noor yang dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas pada bulan Jun 1988, turut menganggotai Lembaga Pengarah empat syarikat tersenarai lain: Kumpulan Fima Berhad, Fima Corporation Berhad, Ladang Perbadanan-FIMA Berhad dan Nationwide Courier Services Berhad. Beliau adalah seorang profesor dan Timbalan Chancelor Universiti Putra Malaysia sebelum menyertai Kumpulan FIMA sebagai Pengarah Urusan. Kini, Dato' Dr Mohd. Noor adalah Pengarah Eksekutif FIMA. Beliau juga menjadi ahli Jawatankuasa Audit dan Ganjaran Lembaga Pengarah British American Tobacco Malaysia.

Zainal Arifin Khalid (43)

Menyertai Kumpulan British American Tobacco pada tahun 1983, dan berkhidmat di Jabatan Teknologi Maklumat dan Pemasaran sebelum menyertai Nestle Malaysia Berhad pada tahun 1990. Pada 1991, Zainal Arifin Khalid telah kembali berkhidmat di Kumpulan British American Tobacco. Sebelum menyandang jawatan sekarang, Encik Zainal Arifin Khalid menjadi Pengurus Negara British American Tobacco (UK & Export) Ltd. di Thailand. Encik Zainal Arifin Khalid telah dilantik sebagai Pengarah Teknologi Maklumat pada bulan Januari 2001. Beliau juga menganggotai Kumpulan Pengurusan British American Tobacco Malaysia.

*** Mej. Jen. (B) Dato' Haji Fauzi bin Hussain (61), DPKK, DIMP, PAT, JMN, DJN, JBS, JMK, KMN**

Mej. Jen. (B) Dato' Haji Fauzi yang dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas pada bulan September 1994 telah lama berkhidmat di dalam angkatan tentera dan Kementerian Pertahanan. Beliau juga menjadi Pengurus Bersama untuk merancang dan melaksanakan latihan udara dengan Thailand dan Indonesia serta terlibat di dalam latihan dan operasi di sepanjang sempadan Malaysia dan Thailand. Beliau adalah bekas anggota Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Armitage Shanks. Selain menjadi ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Ganjaran Lembaga Pengarah British American Tobacco Malaysia, beliau turut menganggotai Lembaga Pengarah South Peninsular Industries Berhad.

Dato' Phan Boon Siong (42), DIMP, SMP

Dato' Phan telah menyertai British American Tobacco Malaysia pada bulan Mac 1984. Dato' Phan pernah menyandang pelbagai jawatan penting di dalam Pemasaran dan Perdagangan Jenama. Beliau dilantik menganggotai Lembaga Pengarah pada November 1997. Mulai Februari 2001, Dato' Phan menyandang tugas sebagai Pengarah Pemasaran, bertanggungjawab untuk menyelia semua aktiviti yang berkaitan dengan Pemasaran Jenama, Pemasaran Perdagangan dan Pengedaran.

*** Oh Chong Peng (56)**

Encik Oh Chong Peng telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas British American Tobacco Malaysia pada Januari 1998. Kini, Encik Oh adalah Pengurus Bukan Eksekutif RHB Management Company Sdn. Bhd. Sebelum terlibat dengan kumpulan RHB, beliau adalah rakan kanan dalam firma Coopers & Lybrand Malaysia dari tahun 1974 hingga beliau bersara pada tahun 1997. Encik Oh menjalani latihan perakaunan beliau di London dan mempunyai kelayakan sebagai Aktauntan Berkanun. Beliau menyertai Coopers & Lybrand London pada 1969 dan di Malaysia pada 1971. Sekarang beliau adalah Pengarah Bukan Eksekutif Star Publications (Malaysia) Berhad (1987), Powertek Berhad (1997), Land & General Berhad (1999), Rashid Hussain Berhad (1998), RHB Capital Berhad (1998), RHB Bank Berhad (1998), RHB Insurance Berhad (1998) dan Rashid Hussain Securities Sdn Bhd (2000). Encik Oh turut menganggotai Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Ganjaran Lembaga Pengarah British American Tobacco Malaysia.

Johann Roelofse (54)

Encik Roelofse yang dilantik ke Lembaga Pengarah bulan pada Disember 2000, telah menyertai British American Tobacco South Africa sebagai Akauntan Projek pada tahun 1978. Beliau pernah menyandang pelbagai jawatan penting di dalam Bahagian Kewangan dari Pengurus Kewangan hingga kepada Pengarah Kewangan. Sebelum menyertai Kumpulan British American Tobacco, beliau adalah Pengurus Audit di Theron, Humphrey & Fick dan Pengurus Kewangan Bonuskor Limited. Beliau turut menganggotai Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Ganjaran Lembaga Pengarah British American Tobacco Malaysia.

Sharifah Rozita Syed Sulaiman (43)

Menyertai Kumpulan British American Tobacco pada bulan September 1996 sebagai Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perundangan. Sebelum berkhidmat dengan British American Tobacco Malaysia, Puan Sharifah adalah Pengurus Komunikasi rantau Asia Tenggara Otis Elevator. Beliau telah berkhidmat selama 10 tahun dengan Kumpulan New Straits Times sebagai wartawan sebelum bekerja dengan Esso Malaysia sebagai Pengurus Komunikasi dan Burson-Marsteller sebagai Ketua Bahagian Perhubungan Korporat dan Kerajaan. Puan Sharifah juga menganggotai Kumpulan Pengurusan British American Tobacco Malaysia.

*** Tan Sri Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin (67), PSM**

Tan Sri Kamarul Ariffin yang dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas pada Disember 1979, adalah bekas peguam dan Senator dan pernah menyandang berbagai jawatan di dalam pelbagai organisasi seperti: bekas Pengurus Eksekutif Bank Bumiputra Malaysia, bekas Pengurus Asean Banking Council, dan bekas Presiden Dewan Perdagangan dan Industri Kebangsaan. Kini, beliau adalah Pengurus Eksekutif Utusan Melayu (Malaysia) Berhad dan Pengarah Dutch Baby Milk Industries (M) Berhad. Tan Sri Kamarul Ariffin juga merupakan ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Ganjaran Lembaga Pengarah British American Tobacco Malaysia.

*"Kumpulan telah menghasilkan **prestasi teguh pada tahun 2000**, didorong oleh pemulihan ekonomi yang berterusan"*

Laporan ini merupakan keputusan tahunan penuh pertama bagi British American Tobacco (Malaysia) Berhad sejak perniagaannya bertambah besar berikutan pengambilalihan operasi Malaysian Tobacco Company Berhad (MTC) pada bulan November 1999.

Saya berasa amat gembira untuk melaporkan bahawa secara keseluruhan, Kumpulan telah menghasilkan prestasi teguh pada tahun 2000, didorong oleh pemulihan berterusan ekonomi Malaysia yang menjadi pemangkin kepada peningkatan keyakinan dan perbelanjaan pengguna serta pertumbuhan volum industri. Portfolio jenama kami yang terdiri daripada pelbagai jenama terkemuka bertaraf antarabangsa yang semakin bertambah telah menyumbang dengan ketara kepada keupayaan kami mengekalkan kedudukan sebagai pengilang dan pemasar terbesar di pasaran rokok Malaysia. Keputusan yang kami laporkan di sini juga adalah hasil daripada keteguhan perniagaan kami serta kecekapan sistem dan proses kami yang amat berdaya saing.

Sungguhpun keputusan tahun ini kukuh dan menggalakkan, namun kami tetap mengambil kira arah aliran dan perkembangan di persekitaran luaran, yang paling nyata ialah kenaikan cukai jualan yang dikenakan ke atas industri ini dalam Belanjawan Negara pada bulan Oktober 2000. Faktor-faktor lain seperti penyaludupan dan berbagai aktiviti badan-badan antarabangsa yang bertujuan untuk mengetarkan lagi penguatkuasaan industri tembakau di seluruh dunia akan terus menjadi cabaran kepada perniagaan kami. Kami akan bersikap proaktif dalam menjalin perhubungan dengan Kerajaan dan akan terus mengadakan dialog mengenai berbagai isu yang membabitkan industri.

Bagi tahun yang ditinjau, Kumpulan mencatatkan perolehan sebanyak RM2.77 bilion, meningkat sebanyak 79 peratus berbanding pencapaian bagi tempoh kewangan sembilan bulan sebelumnya. Keuntungan bersih milik pemegang saham pula, berjumlah RM506 juta, meningkat sebanyak 123 peratus.

Penyata Pengerusi

Lembaga Pengarah mengesyorkan dividen bersih akhir sebanyak 91 sen sesaham, menjadikan jumlah dividen yang dicadang dan diisyiharkan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2000 sebanyak 170 sen bersih sesaham. Syarikat akan terus memberi pembayaran dividen yang memuaskan kepada para pemegang saham sebagai mencerminkan lebihan tunai daripada keperluan operasinya.

Pada tahun yang ditinjau, kami telah menumpukan perhatian yang besar untuk membina sinergi yang timbul daripada pergabungan operasi bekas Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad dan MTC. Berbagai aktiviti telah dilaksanakan pada tahun 2000 – daripada kerja infrastruktur fizikal kepada usaha untuk menyusun semula sistem dan proses, hingga kepada merancang secara proaktif untuk interaksi kakitangan – namun, keputusan kewangan yang dihasilkan membuktikan ia tidak menjasakan produktiviti dan prestasi kami. Kami tetap memberi tumpuan kepada perniagaan yang dijalankan, hasil prestasi cemerlang pengurusan dan kakitangan.

Pada akhir tahun 1999, kami telah menggambarkan keyakinan kami bahawa portfolio jenama kami yang telah diperluaskan akan mempertingkatkan keteguhan kami di pasaran. Malah, portfolio jenama kami telah mencatatkan prestasi teguh pada tahun ini, dengan jenama terunggul kami, Dunhill, sekali lagi mengukuhkan kedudukannya sebagai jenama terkemuka di pasaran. Volumnya meningkat dan ia menikmati daya tarikan yang lebih tinggi di kalangan segmen perokok utama. Dengan pelancaran KENT berwajah baru keseluruhannya sebagai jenama lembut terulung, kami berada di kedudukan yang utama untuk memenuhi cabaran persaingan yang bertambah hebat di alaf baru ini. Inovasi akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan jenama kami terus relevan kepada para pengguna. Bagi mencapai matlamat tersebut, kami akan terus mempertingkatkan usaha dalam berbagai bidang perniagaan kami yang kritikal bagi menambah nilai kepada perniagaan tersebut dan akhirnya menambah nilai kepada para pemegang saham.

Saya dengan sukacitanya ingin melaporkan bahawa sistem dalaman Kumpulan yang telah diatur supaya mematuhi keperluan Alaf Baru sepenuhnya pada pertengahan 1999, berjaya beralih ke tahun 2000 tanpa sebarang kesukaran. Saya juga berasa bangga untuk memaklumkan bahawa syarikat-syarikat subsidiari kami, Kent Horizon Tours Sdn. Bhd. dan Peter Stuyvesant Travel Services Sdn. Bhd. mencatatkan prestasi yang memuaskan.

Risiko sudah menjadi kelaziman dalam mengendalikan perniagaan. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah syarikat barang pengguna cepat laris terkemuka yang berazam untuk terus memberikan pulangan positif kepada para pemegang saham, kami komited untuk memastikan supaya sebarang risiko perniagaan diurus dengan sewajarnya. Sehubungan itu, kami telah mewujudkan satu program Pengurusan Risiko yang menyeluruh bagi menganalisis, membangun dan melaksanakan rancangan kawalan risiko secara proaktif. Rancangan ini diawasi secara berterusan bagi memastikan prestasi kami selaras dengan pengawasan korporat yang memuaskan.

**Jenama kami telah
mencatatkan prestasi
teguh pada tahun ini.**

*"Kami terus **berwaspada** terhadap semua perkembangan, bagi memastikan strategi yang dilaksanakan membantu kami merealisasi potensi penuh Syarikat sebagai **peneraju** industri"*

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyediakan pendedahan yang lebih luas kepada para pemegang kepentingan, kami juga telah mengguna piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) yang baru. Piawaian ini yang berkaitan dengan pernyata kewangan bagi tempoh mulai atau selepas 1 Julai 1999, meliputi perubahan yang sebahagian besarnya berkaitan keperluan pendedahan maklumat dalam Penyata Pendapatan (dahulu dikenali sebagai Penyata Untung dan Rugi) dan nota-nota kepada akaun.

Selaras dengan usaha untuk memastikan ketelusan dalam cara kami mengendalikan perniagaan, Syarikat telah terlibat secara aktif dalam Minggu Pelabur Bursa Saham Kuala Lumpur pada tahun 2000. Pada minggu tersebut, para wakil dari Syarikat kami telah berinteraksi secara aktif dengan masyarakat pelabur dan para pemegang kepentingan yang lain, termasuk media, bagi mempertingkatkan kefahaman mereka tentang cara kami mengurus dan mengendalikan perniagaan kami.

Saya berasa gembira untuk memaklumkan bahawa sikap terbuka dan ketelusan Syarikat dalam pengurusannya telah mendapat pengiktirafan. *Asiamoney*, sebuah penerbitan kewangan antarabangsa yang dihormati, dalam kaji selidik tahunannya terhadap syarikat-syarikat di Asia Pasifik, telah memberi pentarafan kepada British American Tobacco Malaysia sebagai "Syarikat yang Mempunyai Pengurusan Keseluruhan Yang Terbaik" di negara ini dan antara 10 syarikat terulung di seluruh rantau ini. Majalah *Smart Investor* pula meletakkan Syarikat di tempat pertama di kalangan 100 syarikat senarai awam di Malaysia berdasarkan kepada pulangan ke atas ekuiti (ROE) sepanjang lima tahun, yang berjumlah 123.6 peratus antara tahun 1996 hingga 2000. Malah, purata yang tinggi ini menggambarkan kepercayaan teguh Syarikat dalam usaha memaksimumkan nilai pemegang saham dengan menumpu kepada kecekapan teras dan memberi ganjaran kepada para pemegang saham yang memberikan keyakinan dan menyalurkan pelaburan mereka ke dalam Syarikat. Sebuah lagi penerbitan yang terkemuka, *The Edge*, dalam Kaji Selidik Penyusunan Semula Korporat 2000 telah menyenaraikan rancangan penyusunan semula British American Tobacco Malaysia sebagai rancangan terbaik, terutamanya dari segi melindungi kepentingan minoriti, mempertingkatkan nilai syarikat, menguruskan aliran tunai dan kedudukan hutang. Kami mendapat inspirasi daripada semua pengiktirafan yang diterima ini bagi mendorong kami untuk mengekalkan prestasi kami pada masa depan.

Tahun ini, menyaksikan perletakan jawatan Encik Teh Choong Eng, Pengarah Daun, yang meninggalkan Syarikat untuk meneruskan penglibatan beliau dalam bidang lain. Encik Brian Barrow, Pengawal Kewangan British American Tobacco, Asia Pasifik, telah meletakkan jawatan daripada Lembaga Pengarah pada bulan Oktober, berikutan perlantikan beliau ke sebuah operasi British American Tobacco yang lain. Cik Rohana binti Ismail, yang bertindak sebagai pengarah pengganti kepada Dato' Dr Mohd. Noor bin Ismail, meletakkan jawatan pada 13 Disember 2000.

Pada bulan Februari 2001, Pengarah Pemasaran Perdagangan dan Pengedaran, Syed Agil bin Syed Ali, juga meletakkan jawatan bagi meneruskan kerjaya beliau dalam bidang lain.

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah dan para pemegang saham, dengan sukacitanya mengucapkan terima kasih kepada pengurusan dan semua kakitangan yang telah membolehkan Syarikat mencapai prestasi dan pulangan yang menggalakkan pada tahun ini. Saya juga ingin menyampaikan ucapan penghargaan setulus ikhlas kepada para pelanggan dan pemegang saham yang telah memberi sokongan berterusan.

Kami telah berjaya menempuh cabaran tahun 2000 dan telah bersedia sepenuhnya untuk melalui berbagai cabaran lain pada masa depan. Kami akan terus bersedia mengikuti perkembangan dalam persekitaran di mana kami beroperasi bagi memastikan berbagai strategi yang kami atur bagi membantu kami merealisasi potensi kami sepenuhnya sebagai peneraju dalam industri.

Sikap terbuka dan ketelusan Syarikat dalam pengurusannya telah mendapat pengiktirafan.



Tan Sri Abu Talib bin Othman
Pengerusi

*"Pada tahun 2000, fokus Syarikat adalah untuk melancar, menyatu dan mengukuhkan asas perniagaan kami yang baru diperbesarkan - **jenama, kakitangan, dan sistem** serta **proses** kami"*

Tinjauan Pengarah Urusan

Keteguhan prestasi yang dipamerkan oleh jenama utama kami di dalam keadaan pasaran yang bertambah baik telah mendorong pencapaian cemerlang kami pada tahun 2000 yang menyaksikan kami mengukuhkan kedudukan sebagai syarikat rokok terbesar di Malaysia. Industri rokok Malaysia berkembang pada kadar lapan peratus berbanding volum pada tahun 1999, dan di dalam persekitaran ini jualan kami terus meningkat hampir sepanjang tahun ini. Walau bagaimanapun, volum pada suku akhir telah terjejas berikutan kenaikan harga sebanyak 30 sen sebungkus disebabkan oleh kenaikan cukai jualan yang diumumkan dalam Belanjawan Negara 2001. Kami hanya akan dapat mengenalpasti kesan penuh kenaikan harga ini terhadap pasaran pada tahun 2001 nanti.

Pada tahun 2000, British American Tobacco Malaysia menumpu perhatian untuk melancar, menyatu dan mengukuhkan asas perniagaan kami yang baru diperbesarkan – jenama kami, kakitangan kami serta sistem dan proses kami.

Prestasi kukuh daripada portfolio jenama yang bersepadu dan lebih teguh.

Dunhill, jenama pendorong kami yang terbesar dan paling bernilai, terus mempertingkatkan kedudukan terunggulnya sebagai jenama rokok paling terkemuka di negara ini dengan mengekalkan Gaya, Mutu, Keunggulan sebagai teras kekuatan dan taraf antarabangsanya. Volum eksais meningkat lebih 12 peratus, mengukuhkan lagi kedudukan nombor satunya dengan menguasai lebih 43 peratus bahagian pasaran. Lebih memberangsangkan lagi ialah pertumbuhan Dunhill di dalam pasaran perokok dewasa muda, mencerminkan keserasian dan tarikan jenama ini. Selain itu, Dunhill terus aktif menaja siaran langsung pertandingan bolasepak dalam negeri dan di peringkat antarabangsa, termasuk EURO 2000. Ia juga menyokong Persatuan Bola Sepak Malaysia melalui program "Stadium Bonanza" dan "Soccerfest Fiesta" untuk mempertingkatkan kehadiran ke stadium. Berdasarkan kepada kehadiran lebih 80,000 penonton pada Pertandingan Akhir Piala Malaysia 2000, ia merupakan satu kejayaan yang besar.

Perkembangan yang paling menarik dalam usaha kami untuk mengukuhkan portfolio jenama kami adalah pengenalan KENT baru ke pasaran Malaysia pada suku ketiga tahun 2000. KENT kini menawarkan jenama baru sepenuhnya – bungkusan bersudut bulat yang unik, penapis arang yang aktif, pilihan tiga peringkat kandungan tar (Kent Deluxe Lights pada 9mg tar, Kent Super Lights pada 6mg tar dan Kent One Lights pada 1mg tar). KENT baru yang berimej moden dan inovatif, menerima sambutan yang menggalakkan dari kalangan kumpulan perokok sasaran. Keyakinan dan komitmen peruncit untuk bekerjasama dengan kami bagi membangunkan bahan tempat jualan yang kreatif telah membantu menyerlahkan KENT di pasaran melalui visual yang menarik. Kami yakin bahawa KENT akan terus berkembang dan menjadi jenama Lights bertaraf Perdana bagi pasaran kami.

Perilly's mengekalkan kedudukan sebagai peneraju segmen Memberi Nilai untuk Wang dalam pasaran rokok. Walaupun pertumbuhan volum keseluruhan secara relatif adalah kecil, bahagian pasarannya meningkat hampir setengah peratus sepanjang tahun 1999. Ia juga melancarkan dua jenama lanjutan, Magnum dan Classic, untuk menawarkan pilihan yang lebih kepada para pengguna daripada jenama teguh ini. Sementara itu, Peter Stuyvesant juga menunjukkan prestasi mantap dengan volum meningkat sebanyak empat peratus sepanjang tahun lepas. Pencapaian ini dihasilkan daripada strategi pelaburan berfokus, dengan imejnya semakin baik di kalangan perokok dewasa muda, lelaki dan moden. Benson & Hedges pula terus mengekalkan ketabilan bahagian pasarannya, walaupun mengurangkan perbelanjaan promosi. Memandangkan pasaran rokok Malaysia telah mencapai tahap matang dan amat bersaingan, prestasi stabil sedemikian amat membanggakan.

Mempertingkatkan pemahaman pengguna dan perkongsian perniagaan melalui inovasi dan peningkatan berterusan.

Pada tahun ini, kami telah melancarkan sistem pengelasan jualan global British American Tobacco di Malaysia untuk membangunkan sebuah pangkalan data terperinci daripada pasaran runcit. Pembahagian pengguna mengikut segmen, berserta dengan analisis saluran jualan yang lebih baik akan memastikan aktiviti promosi perdagangan kami lebih tertumpu dan berkesan. Kami juga telah melaksanakan sistem jualan tunai berkomputer di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Johor Bahru, Ipoh dan Pulau Pinang. Sistem ini menyediakan maklumat yang lebih luas mengenai jualan jenama kami di dalam persekitaran runcit yang berbeza. Usaha ini mempertingkatkan kapasiti pengurusan stok pengedar kami dan membantu mengurangkan situasi kehabisan stok dan keluaran yang dipulangkan dari pasaran.

British American Tobacco Malaysia bermatlamat untuk menjadi rakan perniagaan pilihan di dalam industri barang pengguna cepat laris. Dan kami amat menghargai perkongsian. Kami juga mengakui bahawa faktor utama kejayaan kami adalah rangkaian pengedaran kukuh, yang membolehkan kami sampai ke seluruh negara. Melalui rancangan perniagaan yang dibangunkan bersama-sama pengedar, kami pasti mereka akan dapat beroperasi pada tahap yang terbaik dan berkembang maju. Kami juga dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa di dalam kaji selidik Ukuran Kepuasan Pelanggan yang kami jalankan ke atas lebih daripada 1,100 peruncit di seluruh negara, 76 peratus daripada responden telah memberikan pentarafan sebagai Syarikat Keseluruhan Terbaik kepada kami.

Kami mula menangani keadaan rantaian bekalan semakin rumit yang timbul daripada portfolio yang diperbesarkan selepas pergabungan. Kami telah menarik balik enam jenama kurang laris dan varian jenama bagi membantu memberikan kami ruang pameran lebih luas untuk baki jenama dan fokus yang lebih besar ke atas perbelanjaan dan aktiviti bagi jenama utama kami.

Keteguhan jenama yang bertambah luas berikutan pergabungan mendorong ke arah peningkatan volum.

*"Masa depan bergantung kepada pengambilan individu **berkaliber yang terbaik** untuk menjalankan perniagaan kami"*

Dalam usaha mengukuhkan perniagaan, tenaga manusia kekal sebagai fokus utama kami.

Pada tahun 2000, usaha yang tidak terhad telah disalurkan untuk menangani isu sumber manusia, dengan memberi fokus terhadap integrasi sumber manusia, komunikasi kakitangan, penyenggaraan perindustrian secara harmoni, penyeragaman terma dan syarat pekerjaan, dan mengoptimumkan saiz tenaga kerja.

Dalam menyatukan dua buah kilang, kami dengan penuh rasa kesal terpaksa melaksanakan langkah mengatasi masalah pertindanan. Seramai 180 kakitangan di dalam operasi kami di Tobacco Blenders and Manufacturers Sdn. Bhd. telah ditawarkan untuk menerima pertindanan. 76 daripada mereka telah menerima pekerjaan sementara dengan Tobacco Importers and Manufacturers Sdn. Bhd.

Pembangunan kakitangan di semua peringkat melalui program latihan, kekal sebagai prioriti utama kami sepanjang tahun ini. Walaupun kerumitan dan cabaran merupakan sesuatu yang lazim bagi sesebuah syarikat yang baru digabungkan, lebih daripada 8,500 jam manusia telah diperlukan kepada latihan bagi kategori eksekutif dan pengurusan. Menjelang akhir tahun, lebih dari 1,000 kakitangan dalam kategori bukan eksekutif telah menjalani latihan yang pesat dari segi teknikal dan semasa kerja untuk membantu mereka membiasakan diri dengan sistem dan proses yang baru dan inovatif. Program latihan global yang menjadi teras di dalam fungsi Pemasaran Perdagangan & Pengedaran juga telah diperkenalkan bagi memastikan pembangunan tenaga kerja yang berkaliber.

Komunikasi juga merupakan satu elemen utama dalam usaha penyatuan kakitangan kami sepanjang tahun 2000 iaitu melalui taklimat formal dan tidak formal yang dijalankan secara kerap untuk semua kakitangan oleh pihak pengurusan berkenaan isu-isu korporat serta melalui penerbitan majalah berita dalaman.

Di British American Tobacco Malaysia, kami mengenalpasti bahawa masa depan kami bergantung kepada pengambilan individu berkaliber yang terbaik untuk menjalankan perniagaan kami. Pada tahun 2000 kami telah melancarkan inisiatif "We Challenge You" kepada seluruh rakyat Malaysia. Ia merupakan satu program yang dibentuk untuk menarik minat, mengambil dan memajukan graduan cemerlang di dalam bidang-bidang berlainan. Program pembangunan dua tahun akan melengkapkan mereka dengan kemahiran, daya saing dan keyakinan yang perlu untuk berjaya di dalam persekitaran perniagaan yang kompleks dan bersaingan dan memastikan pertumbuhan kami di masa hadapan.

Melakar kejayaan daripada sinergi penyatuan sistem dan proses.

Berikutan penyelesaian pergabungan pada bulan November 1999, Pasukan Penyatuan Loji telah memulakan kerja untuk menyatukan dua loji penghancur daun hijau (GLT) dan dua buah kilang.

Operasi GLT kami telah disatukan ke tapak di Shah Alam pada bulan Mac; sementara barisan pengesahan produk dan pemprosesan adunan telah berjaya dipindahkan dari kilang Sungai Besi ke Petaling Jaya pada bulan November. Semua jentera pembuat dan pembungkusan kami juga telah dipindahkan dari kilang Sungai Besi ke Petaling Jaya pada bulan Disember.

Pembinaan bangunan baru untuk menempatkan jentera baru dan sedia ada juga telah hampir siap. Pada akhir tahun 2001, kilang Petaling Jaya kami akan mempunyai teknologi pengilangan rokok yang termaju dengan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 25 bilion batang rokok.

Sekarang kami sedang membina sebuah loji rawatan sisa buangan dengan kos RM2 juta untuk memenuhi keperluan peningkatan kapasiti di kemudahan Petaling Jaya. Apabila disiapkan pada bulan Mac 2001, loji ini akan mampu merawat 300 meter padu air yang diproses sehari dari kilang. Di samping itu, kami juga telah membelanjakan hampir RM2 juta lagi ke atas pemasangan elektrik, peralatan keselamatan dan kemudahan penakungan tumpahan kimia.

Infrastruktur teknologi maklumat menjadi tunggak penting dalam usaha kami untuk memastikan sistem dan proses kami berada di tahap terbaik. Pada tahun ini, kami telah menggabung dan mempertingkatkan sistem SAP dua bekas syarikat untuk memudahkan rasionalisasi kilang dan memperbaiki kecekapan operasi dan pentadbiran. Infrastruktur teknologi SAP adalah alat perancangan bersepadan yang membantu kami menguruskan operasi perkilangan dan logistik kami dengan lebih baik dari bahan mentah kepada barang siap dan seterusnya ke peringkat pengedaran dan kepada para pelanggan kami.

Infrastuktur teknologi maklumat menjadi tunggak penting dalam usaha memastikan sistem dan proses kami berada di tahap terbaik.

"Pelaksanaan kenaikan cukai selanjutnya ke atas industri ini akan memberi kelebihan kepada pasaran gelap"

Persekitaran penguatkuasaan peraturan luar terus memberi cabaran kepada perniagaan.

Sungguhpun keseluruhan keadaan perdagangan bertambah baik pada tahun 2000, namun keupayaan industri untuk kembali ke tahap volum sebelum tahun 1997 telah terjejas oleh kenaikan cukai jualan pada bulan Oktober. Keadaan ini agak mengecewakan kerana industri baru sahaja dapat menangani kesan penuh kenaikan duti eksais tahun 1998, yang telah menekan pasaran yang sedia terjejas oleh kemelesetan ekonomi tahun 1997.

Walaupun industri memindahkan kenaikan cukai jualan kepada pengguna, apa yang lebih membimbangkan ialah pengilang sah seperti British American Tobacco Malaysia akan terancam oleh kegiatan penyeludupan. Kajian yang dijalankan untuk industri menunjukkan bahawa pada tahun 1999, rokok seludup menguasai 20 peratus daripada pasaran rokok Malaysia, meningkat dari 15 peratus pada tahun sebelumnya. Arah aliran ini mempunyai kaitan dengan kenaikan harga yang terpaksa dilaksanakan oleh pengilang sah seperti kami berikutnya kenaikan eksais duti tahun 1998. Sehubungan itu, terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa rokok seludup terus bertambah pada tahun 2000. Kami menyedari tentang keperluan memperbaiki hasil negara, tetapi pada masa yang sama kita perlu ingat bahawa pelaksanaan kenaikan cukai selanjutnya ke atas industri ini akhirnya akan memberi kelebihan kepada pasaran gelap. Kami akan terus membuat pembentangan dan saranan kepada Kerajaan berhubung isu ini dan kami kekal optimis bahawa industri dan Kerajaan boleh menemui jalan penyelesaian yang seimbang antara keperluan hasil negara dan kebaikan perniagaan.

Di dalam persekitaran global, terdapat usaha daripada pelbagai organisasi seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan kumpulan tekanan antarabangsa untuk mengenakan sekatan selanjutnya ke atas industri rokok. Walau bagaimanapun, kami berharap sebarang peraturan baru di peringkat kebangsaan dapat digubal dengan lebih adil bagi memastikan ia sesuai dengan konteks sosio budaya dan kedaulatan sebuah negara.

Syarikat yang Bertanggungjawab.

Sebagai sebuah syarikat bertanggungjawab yang terlibat di dalam industri kontroversi, British American Tobacco Malaysia menyedari peranannya sebagai warga korporat baik di pasaran operasinya. Ini terbukti khususnya di dalam isu mencegah tabiat merokok di kalangan remaja. Pada tahun 2000, sebagai salah satu ahli Persekutuan Pekilang-Pekilang Tembakau Malaysia (CMTM), kami telah menyalurkan usaha yang agak besar untuk melancarkan kempen seluruh negara untuk membendung tabiat merokok di kalangan remaja bawah umur.

Kempen yang bertemakan "On Top Of The World Witout Smoking", menampilkan bintang sukan remaja Malaysia untuk menyemai kesedaran di kalangan remaja bahawa mereka tidak wajar merokok. Kempen kesedaran melalui televisyen, akhbar dan majalah telah dilancarkan oleh Menteri Belia dan Sukan, serta poster dan risalah yang telah diedarkan oleh CMTM kepada 80,000 peruncit di seluruh negara mengingatkan mereka tentang denda yang akan dikenakan jika mereka menjual rokok kepada golongan di bawah umur. Kempen ini akan dilanjutkan pada tahun 2001. Kami komited untuk turut memainkan peranan mencegah tabiat merokok di kalangan remaja bawah umur dan sentiasa bersedia untuk turut serta secara aktif dalam usaha jangka panjang ini.

Pada tahun 2000, berbagai derma dan sumbangan kepada badan-badan kebajikan, serta biasiswa untuk para pelajar Malaysia yang mengikuti pengajian tinggi telah disediakan melalui Yayasan British American Tobacco Malaysia. Yayasan ini memperuntukkan lebih dari RM500,000 untuk program biasiswa pada tahun 2000, menjadikan jumlah sokongan kami untuk pengajian tinggi melebihi RM12 juta sejak penubuhan Yayasan ini sebagai Yayasan MTC pada tahun 1983. Kami turut memberi sokongan terhadap pembangunan seni melalui penajaan korporat di Dewan Filharmonik Petronas dan kami akan terus meninjau bidang-bidang yang mana sumbangan kami boleh memanfaatkan masyarakat.

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk memainkan peranan dalam menangani isu pemanasan global, kami telah memulakan langkah untuk menjadi sebuah operasi perniagaan yang bebas karbon. Kini kami sedang berbincang dengan beberapa buah badan Kerajaan untuk menjalin hubungan kerjasama dalam program penanaman semula hutan. Kami merancang untuk menanam 50,000 batang pokok pada tahun pertama program ini dan bilangan tersebut akan bertambah pada tahun-tahun berikutnya.

Tahun 2001 pasti menghadirkan cabaran yang lebih hebat kepada British American Tobacco Malaysia. Pada tahun lepas, kami telah meletakkan asas yang kukuh untuk keteguhan masa hadapan. Sekarang sampailah masanya untuk kami berkembang maju daripada asas tersebut, merangka laluan kami dan mencipta kecemerlangan masa hadapan.

**Kami akan terus
meninjau bidang-
bidang yang mana
sumbangan kami
boleh memanfaatkan
masyarakat.**



Stuart Watterson
Pengarah Urusan

*"Kumpulan mencapai **kemajuan besar** dan **pertumbuhan keuntungan yang memuaskan** sejak pergabungan. Keuntungan sebelum cukai yang dicapai adalah 47 peratus lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya"*

Tinjauan Pengarah Kewangan

Dalam tempoh dua belas bulan lepas, dengan persekitaran yang menikmati kadar kecairan tinggi dan kadar faedah yang rendah, ekonomi Malaysia kembali rancak untuk mencatatkan pertumbuhan setelah dilanda kemelesetan. Di samping itu, pengambilalihan perniagaan tembakau daripada Malaysian Tobacco Company Berhad (MTC) pada bulan November 1999 telah memberi kesan yang menggalakkan ke atas keputusan kewangan tahun ini.

Belanjawan tahun 2001 yang dibentangkan pada bulan Oktober 2000 menyaksikan kenaikan cukai jualan sebanyak 67 peratus ke atas produk tembakau yang mengakibatkan kenaikan harga dalam industri sebanyak 30 sen bagi semua saiz pek. Kesan sepenuhnya daripada kenaikan harga ini ke atas pasaran akan menjadi lebih nyata pada tempoh suku kedua tahun ini.

Dasar-dasar perakaunan.

Untuk membentangkan akaun kewangan bagi tahun ini, kami telah melaksanakan piawaian baru Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB Nombor 1-13) yang diterimakai dalam penyata kewangan bagi tempoh mulai pada atau selepas 1 Julai 1999. Perubahan utama adalah pendedahan keperluan dalam Penyata Pendapatan (dahulu dikenali sebagai Penyata Untung dan Rugi) dan nota-nota kepada akaun. Selaras dengan sokongan bagi pendedahan yang lebih luas dan telus, kami akan terus mencari kaedah untuk mempertingkatkan komitmen pendedahan kami kepada para pemegang saham.

Keputusan kumpulan.

Kumpulan mencapai kemajuan besar dan pertumbuhan keuntungan yang memuaskan sejak pengambilalihan perniagaan tembakau MTC. Tempoh kewangan 1999 meliputi hanya sembilan bulan kerana keputusan Kumpulan yang diubah tahun kewangannya dari 31 Mac kepada 31 Disember. Perangkaan tahun 1999 yang dibentangkan dalam jadual di bawah telah diubahsuai semula untuk menggambarkan keputusan 12 bulan, berbanding tempoh kewangan selama sembilan bulan bagi memudahkan perbandingan. Hasilnya, Penyata Pendapatan 1999 di bawah berbeza daripada perangkaan bagi tempoh kewangan 1999 seperti yang ditunjukkan di muka surat 97.

| Penyata Pendapatan Disatukan * | | | |
|---|-----------------------------|-----------------------------|------------------------------|
| | 12 bulan 2000 RM juta | 12 bulan 1999 RM juta | Tambahan/ (Kurangan) % |
| Hasil | 2,772 | 2,036 | 36 |
| Keuntungan operasi | 876 | 607 | 44 |
| Kos pembiayaan | (58) | (10) | 480 |
| Susutnilai dan pelunasan | (70) | (30) | 133 |
| Perbelanjaan rasionalisasi | (50) | (92) | (46) |
| | 698 | 475 | 47 |
| Bahagian keputusan daripada sebuah syarikat bersekutu | 3 | 1 | 200 |
| Keuntungan sebelum cukai | 701 | 476 | 47 |
| Cukai | (195) | (96) | 103 |
| Keuntungan selepas cukai | 506 | 380 | 33 |
| Pendapatan tersimpan dibawa ke hadapan | 192 | 100 | 92 |
| Tersedia untuk pengagihan | 698 | 480 | 45 |
| Dividen | (485) | (288) | 68 |
| Pendapatan tersimpan | 213 | 192 | 11 |

* format BSKL



Hasil meningkat sebanyak 36 peratus, daripada RM2,036 juta kepada RM2,772 juta.

Keuntungan operasi meningkat sebanyak 44 peratus berbanding pada tahun sebelumnya, hasil kesan volum yang lebih tinggi daripada pasaran domestik, pengilangan kontrak dan beberapa pasaran lain berikutan pengambilalihan perniagaan tembakau MTC, keadaan pasaran yang bertambah baik dan penerimaan yuran tempahan kapasiti. Di samping itu, sebahagian besar daripada kos pergabungan telah diiktiraf dalam penyata pendapatan 1999. Walau bagaimanapun, ia telah diimbangi oleh kos pembiayaan sebanyak RM58 juta dan susutnilai dan pelunasan yang lebih tinggi, iaitu sebanyak RM70 juta pada tahun 2000. Hasilnya, keuntungan sebelum cukai yang dicapai adalah 47 peratus lebih tinggi, daripada RM476 juta kepada RM701 juta.


Pendapatan sesaham (PS).

PS menunjukkan nilai yang dijana oleh entiti yang bergabung berbanding perniagaan Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad sebelumnya. PS bagi tahun 2000 adalah sebanyak 177 sen, bertambah sebanyak 33 peratus berbanding tempoh 12 bulan pada tahun 1999 yang meliputi manfaat pengecualian cukai selama tiga bulan. Kelebihan pergabungan ini memang tidak dapat dinafikan; PS meliputi semua sinergi, fokus jenama yang bertambah baik dan menunjukkan bahawa nilai British American Tobacco (Malaysia) Berhad yang telah diperbesarkan lebih daripada mampu menampung kos pergabungan itu.

PS meliputi semua sinergi, dan menunjukkan nilai operasi British American Tobacco (Malaysia) Berhad yang telah diperbesarkan.



*"Syarikat akan terus mengembalikan kepada para pemegang saham pembayaran **dividen yang tinggi** ... kami mencadangkan dividen bersih akhir sebanyak **91 sen**"*



* Tahun pengecualian cukai

Dividen bersih.

Tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham, kami mencadangkan dividen akhir sebanyak 91 sen. Berserta dividen pertengahan sebanyak 79 sen yang telah dibayar pada 11 September 2000, dividen bagi tahun ini berjumlah 170 sen. Syarikat akan terus mengembalikan kepada para pemegang saham dana yang tidak diperlukan untuk pengembangan dan operasi perniagaan. Dividen tahun 2000 merupakan peningkatan 9.6 peratus berbanding tahun kewangan penuh 1998/99 yang lepas.

Aliran tunai kumpulan.

Jadual di bawah menunjukkan secara ringkas aliran tunai Kumpulan bagi tahun ini, berbanding dengan tempoh laporan yang lepas. Angka pada tahun 1999 telah dinyatakan semula untuk menggambarkan pencapaian 12 bulan, dan bukannya tempoh kewangan selama sembilan bulan untuk memudahkan perbandingan. Sehubungan itu, Aliran Tunai tahun 1999 akan berbeza daripada angka tempoh kewangan sembilan bulan 1999 di muka surat 101.

Jika dibandingkan dengan tahun 1999, aliran tunai daripada operasi adalah 72 peratus lebih tinggi. Pencapaian ini pada dasarnya menggambarkan keuntungan yang lebih tinggi disebabkan oleh kesan volum yang lebih tinggi berikut pengambilalihan perniagaan MTC.

Aliran tunai juga mendapat manfaat daripada pembayaran cukai tertunda disebabkan oleh pertukaran tahun kewangan dan hasil daripada kematangan pelaburan semasa pada tahun 2000.

Walau bagaimanapun, disebabkan oleh pelaburan yang besar dalam harta tanah, loji dan peralatan terutamanya bagi langkah penyatuan loji telah meninggalkan kesan bersih terhadap tunai iaitu sebanyak RM68 juta. Aliran tunai juga telah terjejas dengan ketara oleh kos pembiayaan yang tinggi daripada penerbitan bon korporat.

Pada tahun 2000, Kumpulan telah membayar balik pinjaman jangka pendek berjumlah RM50 juta yang telah diwarisi daripada bisnes MTC. Selain daripada ini, aliran tunai Kumpulan menggambarkan pembayaran dividen yang lebih tinggi pada tahun 2000 berbanding pada tahun 1999.

| Aliran Tunai | | | |
|--|-----------------------------|-----------------------------|-----------------------------|
| | 12 bulan 2000 RM juta | 12 bulan 1999 RM juta | Manfaat/ (Terjejas) % |
| Tunai daripada operasi | 865 | 502 | 72 |
| Cukai pendapatan dibayar | (113) | (175) | 35 |
| Tunai daripada pelaburan | 37 | 1 | - |
| Perbelanjaan modal bersih | (68) | (49) | (39) |
| Pulangan pelaburan / Kos pembiayaan | (50) | 12 | (517) |
| Pengambilalihan syarikat-syarikat subsidiari | - | (762) | 100 |
| Kutipan diterima daripada terbitan bon | - | 750 | (100) |
| Pembayaran balik pinjaman bank | (50) | (30) | (67) |
| Dividend dibayar | (513) | (443) | (16) |
| Tambahan/(kurangan) dalam tunai dan bersamaan tunai | | 108 | (194) |
| | | | 156 |

Operasi perbendaharaan.

Objektif Perbendaharaan adalah untuk menguruskan risiko kewangan Kumpulan melalui pengurusan proaktif aliran tunai, kadar faedah dan pendedahan matawang asing. Langkah ini akan mempertingkatkan nilai Kumpulan dari segi ekonomi dengan menyediakan perlindungan perniagaan melalui pengurusan pendedahan dan sumber kewangan.

Pada tahun ini, Kumpulan telah menubuhkan Jawatankuasa Perbendaharaan yang bertindak di bawah garis panduan dasar yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Fungsi Perbendaharaan dengan Jawatankuasa Perbendaharaan, ialah menggariskan berbagai strategi untuk menyokong garis panduan dasar-dasar ini. Peranan Perbendaharaan adalah untuk memperolehi pembiayaan dan mengurus risiko kewangan yang timbul daripada operasi. Fungsi pembiayaan dan pengurusan risiko dilaksanakan di bawah dasar, prosedur dan had yang telah digariskan.

Lembaga Pengarah mengkaji dan memberi persetujuan kepada keseluruhan dasar dan prosedur Perbendaharaan, pemberian kuasa kepada fungsi Perbendaharaan, Jawatankuasa Perbendaharaan dan Pengarah Kewangan. Pengarah Kewangan mempengerusikan Jawatankuasa Perbendaharaan. Sebarang penyimpangan ketara daripada dasar-dasar yang telah dipersejui memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah terlebih dahulu.

Had-had yang jelas telah diwujudkan, termasuk tahap bidang kuasa, mengenai jenis dan penggunaan instrumen kewangan untuk menguruskan risiko kewangan yang dihadapi oleh Kumpulan. Urusniaga hanya dijalankan jika ia berkaitan dengan pendedahan asas dan spekulasi tidak dibenarkan. Perbendaharaan berfungsi menyediakan laporan tetap kepada pengurusan kanan dan operasi Perbendaharaan adalah tertakluk kepada semakan dan audit bebas yang dibuat dari semasa ke semasa, sama ada dalaman atau oleh pihak luar.

Skop dan pengkhususan operasi Perbendaharaan akan terus bertambah tetapi terhad kepada keperluan operasi perniagaan dan dasar Perbendaharaan.

Pengurusan risiko.

Pada tahun ini, Kumpulan telah memulakan program Pengurusan Risiko yang komprehensif. Program ini diuruskan oleh sebuah pasukan, diketuai oleh Pengarah Kewangan dan dibantu oleh Pengurus Risiko. Pasukan ini diwakili oleh ahli-ahli dari semua bahagian di dalam Kumpulan.

Tanggungjawab pasukan ini antara lain termasuk memupuk budaya kesedaran risiko yang proaktif, menjalankan kajian tahunan berhubung risiko perniagaan, menyelaraskan pembangunan pelan tindakan pengawasan risiko, mengawalselia keputusan petunjuk prestasi utama dan memastikan pematuhan terhadap keperluan pengawasan korporat yang baik.


Pengurusan risiko kewangan: Salah satu tanggungjawab utama Jawatankuasa Perbendaharaan adalah untuk menguruskan risiko kewangan yang timbul daripada operasi asas Kumpulan. Jawatankuasa Perbendaharaan menjalankan tugas pengurusannya di dalam rangka kerja dasar keseluruhan, pendedahan British American Tobacco Malaysia terhadap kadar faedah dan risiko pertukaran matawang asing, pembiayaan dan kecairan. Kontrak derivatif yang dimeterai hanya untuk membantu pengurusan risiko-risiko tersebut.

Risiko kecairan: Memaksimumkan fleksibiliti kewangan menjadi dasar British American Tobacco Malaysia. Kerjasama sepenuhnya diberi kepada Rating Agency Malaysia Berhad untuk menilai pentarafan kredit bon semasa kami. Keperluan kecairan adalah tertakluk kepada semakan tetap untuk meminimumkan kos dan risiko kewangan.


James Campbell Irvine

Pengarah Kewangan

Kami prihatin terhadap perlunya memupuk budaya kesedaran risiko yang proaktif, dan memastikan pematuhan terhadap keperluan pengawasan korporat yang baik.



* Termasuk dividen bersih pertengahan khas sebanyak 91 sen

Pengawasan Korporat

Kod

Pada bulan Mac 2000, Jawatankuasa Kewangan mengenai Pengawasan Korporat telah mengeluarkan Kod Malaysia mengenai Pengawasan Korporat ("Kod"). Kod ini membentangkan prinsip-prinsip dan amalan terbaik mengenai struktur dan proses yang boleh digunakan oleh syarikat-syarikat dalam operasi masing-masing ke arah mencapai rangka kerja pengawasan yang optimum.

Pematuhan Awal

Lembaga Pengarah komited untuk memastikan supaya piawaian pengawasan korporat yang tinggi diamalkan di seluruh Kumpulan sebagai sebahagian asas dalam menjalankan tanggungjawabnya bagi melindungi serta mempertingkatkan nilai pegangan saham dan prestasi kewangan British American Tobacco (Malaysia) Berhad.

Bagi mencapai matlamat tersebut, Lembaga Pengarah menyokong sepenuhnya syor-syor Kod tersebut. Di bawah ini dibentangkan huriaian mengenai bagaimana Kumpulan telah mengamalkan prinsip-prinsip yang dibentangkan dalam Kod tersebut. Kecuali bagi perkara-perkara yang dirujuk di bawah, Lembaga Pengarah telah mematuhi sepenuhnya kepada amalan terbaik yang dibentangkan dalam Kod sepanjang tempoh dua belas bulan berakhir 31 Disember 2000:

- Satu Jawatankuasa Pencalonan akan ditubuhkan menjelang 30 Jun 2001
- Pendedahan butir-butir bayaran setiap Pengarah akan disemak pada tahun 2001
- Peningkatan selanjutnya dalam membekalkan maklumat kepada Lembaga Pengarah akan dibuat pada tahun 2001, terutamanya dalam bidang-bidang berkaitan alam sekitar dan tanggungjawab kemasyarakatan

Lembaga Pengarah

Lembaga

Sesebuah Lembaga Pengarah yang berkesan adalah Lembaga Pengarah yang mampu memimpin dan mengawal Kumpulan. Lembaga Pengarah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setiap tahun dan mesyuarat tambahan akan dipanggil apabila diperlukan. Semua ahli Lembaga Pengarah mengemukakan pertimbangan yang bebas ke atas isu-isu berkaitan strategi, prestasi, sumber dan piawaian perlakuan. Semua Pengarah Bukan Eksekutif, kecuali Encik Johann Roelofse, adalah Pengarah bebas.

Sepanjang tempoh dua belas bulan berakhir 31 Disember 2000, lima mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan. Sebahagian besar daripada para Pengarah telah menghadiri semua mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan sepanjang tempoh mereka memegang jawatan.

Keseimbangan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah sekarang mempunyai 11 orang ahli yang terdiri daripada enam Pengarah Bukan Eksekutif (termasuk Pengerusi) dan lima Pengarah Eksekutif. Mereka membawa bersama-sama mereka berbagai pengalaman dalam perniagaan dan kewangan yang ada kaitan dengan hala tuju sebuah syarikat yang besar dan semakin berkembang. Huriaian ringkas mengenai latar belakang setiap Pengarah dibentangkan di muka surat 68 dan 69.

Terdapat pembahagian yang jelas dalam tanggungjawab antara Pengerusi dan Pengarah Urusan bagi memastikan wujud keseimbangan kuasa dan autoriti.

Lembaga Pengarah juga adalah seimbang kerana terdapat para Pengarah Bukan Eksekutif yang berkaliber diperlukan untuk memberi kesan yang secukupnya dalam keputusan-keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah. Walaupun semua Pengarah mempunyai tanggungjawab yang sama dalam operasi Kumpulan, namun peranan para Pengarah Bukan Eksekutif ini terutamanya adalah penting dalam memastikan supaya strategi yang dicadangkan oleh eksekutif pengurusan dibincang dan diteliti sepenuhnya. Ia turut mengambil kira bukan sahaja kepentingan jangka panjang para pemegang saham, malah kepentingan jangka panjang kakitangan, pelanggan, pembekal dan sebahagian besar masyarakat di mana Kumpulan menjalankan perniagaannya.

Perlantikan ke dalam Lembaga Pengarah

Kini, semua Pengarah terlibat dalam proses menilai Pengarah sedia ada dan mengenalpasti, mencalon, mengambil, melantik dan meorientasi para Pengarah baru. Lembaga Pengarah sedang menyemak semula kedudukan ini dan satu Jawatankuasa Pencalonan yang terdiri daripada para Pengarah Bukan Eksekutif akan ditubuhkan pada 30 Jun 2001.

Sebagai sebahagian daripada elemen dan proses perlantikan para Pengarah baru, Lembaga Pengarah memastikan supaya para ahli Lembaga Pengarah baru menjalani program orientasi dan pendidikan.

Pemilihan Semula

Menurut Tataurus Pertubuhan Syarikat, semua Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah adalah tertakluk kepada pemilihan oleh para pemegang saham dalam mesyuarat agung pertama selepas perlantikan mereka. Tataurus ini juga memperuntukkan supaya sekurang-kurangnya satu pertiga daripada bilangan Pengarah selebihnya dipastikan supaya tertakluk kepada pemilihan semula mengikut giliran di setiap Mesyuarat Agung Tahunan.

Ganjaran Para Pengarah

Jawatankuasa ganjaran terdiri dari enam Pengarah Bukan Eksekutif dan dua Pengarah Eksekutif dengan Tan Sri Abu Talib bin Othman sebagai Pengerusi. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menetapkan rangka kerja dasar dan untuk mengemukakan syor-syor kepada Lembaga Pengarah mengenai semua elemen berkaitan bayaran dan terma-terma lain bagi perlantikan para Pengarah Eksekutif. Para Pengarah Eksekutif akan mengecualikan diri mereka daripada perbincangan dan pengundian berhubung bayaran untuk dirinya sendiri.

Butir-butir mengenai bayaran para Pengarah diberikan dalam Nota 5 kepada penanya kewangan.

Bekalan Maklumat

Semua Pengarah menyemak laporan Lembaga Pengarah sebelum menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah. Ia dikeluarkan dalam tempoh yang mencukupi bagi membolehkan para Pengarah mendapat penjelasan selanjutnya supaya mereka mempunyai maklumat secukupnya sebelum mesyuarat berlangsung. Laporan Pengarah antara lain meliputi butir-butir berikut:

- Isu utama berkaitan operasi dan kewangan
- Kualiti produk
- Bahagian pasaran dan tindak balas pasaran terhadap strategi Kumpulan

Di samping itu, terdapat juga jadual perkara-perkara yang dikhaskan untuk keputusan Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah juga telah meluluskan satu prosedur untuk para Pengarah, sama ada sebagai seorang ahli Lembaga Pengarah sepenuhnya atau mewakili diri masing-masing, untuk mendapatkan khidmat nasihat bebas, apabila perlu, dalam melaksanakan tugas mereka serta atas dasar kepentingan Kumpulan.

Semua Pengarah mempunyai laluan kepada khidmat dan nasihat Setiausaha Syarikat.

Para Pemegang Saham

Dialog antara Syarikat dan para Pelabur

Kumpulan menghargai dialog dengan para pelabur. Pengarah Urusan dan Pengarah Kewangan mengadakan perbincangan dengan para penganalisis dan pemegang saham pada petang hari yang sama selepas setiap pengumuman keputusan suku tahunan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur dibuat. Taklimat sewajarnya akan diberi bagi memberi penjelasan mengenai strategi, prestasi dan perkembangan utama yang berlaku ke atas Kumpulan. Walau bagaimanapun, sebarang maklumat yang mungkin dianggap sebagai maklumat penting mengenai Kumpulan yang tidak boleh diumumkan tidak akan diberi kepada seseorang pemegang saham atau sekumpulan pemegang saham.

Lembaga Pengarah membentangkan kemajuan dan prestasi perniagaan dan menggalakkan para pemegang saham untuk mengambil bahagian dalam sesi soal jawab di setiap Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan. Para Pengarah Eksekutif, apabila wajar, Pengerusi Jawatankuasa Audit hadir untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh para pemegang saham dalam mesyuarat tersebut. Apabila diperlukan, Pengerusi akan memberikan jawapan bertulis terhadap sebarang soalan yang tidak boleh dijawab pada ketika itu juga.

Dalam hal pemilihan semula para Pengarah, Lembaga Pengarah akan memastikan supaya Laporan Tahunan menyatakan Pengarah mana yang menawarkan diri untuk dipilih atau dipilih semula. Ia disertai dengan huraian ringkas yang meliputi perkara-perkara seperti:

- Umur
- Pengalaman berkaitan
- Senarai keanggotaan Lembaga Pengarah
- Tarikh perlantikan ke dalam Lembaga Pengarah
- Butir-butir mengenai penyertaan dalam Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- Hakikat bahawa Pengarah tertentu itu adalah seorang Pengarah bebas

Setiap perkara yang dimasukkan dalam urusan khas yang terkandung dalam notis mesyuarat akan disertai dengan penjelasan lengkap tentang kesan cadangan sesebuah resolusi. Resolusi berasangan dicadangkan bagi isu-isu yang ketara berbeza dengan mesyuarat dan Pengerusi mengisyiharkan bilangan undi proksi menyokong dan menentang yang diterima bagi setiap resolusi.

Syarikat akan menyediakan kepada para pemegang saham satu ringkasan perbincangan di Mesyuarat Agung Tahunan.

Tanggungjawab dan Audit

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dianggotai enam Pengarah Bukan Eksekutif dan dipengerusikan oleh Tan Sri Abu Talib bin Othman. Komposisi Jawatankuasa ini boleh dirujuk di muka surat 87.

Jawatankuasa Audit telah mengadakan empat mesyuarat sepanjang tempoh ini. Sebahagian besar daripada ahli Jawatankuasa telah menghadiri semua mesyuarat. Dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan ini, Jawatankuasa tersebut telah menjalankan tugas mereka seperti yang dibentangkan di muka surat 87 dan 88.

Laporan Kewangan

Ketika membentangkan penyata kewangan tahunan dan pengumuman suku tahunan kepada para pemegang saham, para Pengarah berusaha untuk membentangkan satu penilaian yang seimbang dan mudah difahami mengenai kedudukan dan prospek Kumpulan. Penyata para Pengarah berhubung seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 dibentangkan di muka surat 95 dalam laporan tahunan ini.

Kawalan Dalaman

Para Pengarah mengakui tanggungjawab mereka terhadap sistem kawalan dalaman yang bukan sahaja meliputi kawalan kewangan, malah kawalan operasi dan pematuhan serta pengurusan risiko. Sistem kawalan dalaman melibatkan setiap perniagaan dan pengurusan utama daripada setiap perniagaan, termasuk Lembaga Pengarah, dan dirangkai untuk memenuhi keperluan tertentu Kumpulan dan untuk mengurus risiko yang terdedah kepadanya. Dari segi bentuk, sistem ini hanya boleh memberi kepastian yang munasabah tetapi tidak muktamad daripada sebarang salah pernyataan atau kerugian.

Audit dalaman Kumpulan melaporkan secara kerap berhubung kepatuhan terhadap kawalan dan prosedur kewangan dalaman kepada Jawatankuasa Audit. Ia turut memastikan cadangan untuk memperbaiki sistem kawalan dipatuhi oleh pengurusan.

Hubungan dengan Juruaudit

Peranan Jawatankuasa Audit berkaitan juruaudit luar dinyatakan di muka surat 87 dan 88.

Jawatankuasa Audit

| | |
|---|---|
| * Tan Sri Abu Talib bin Othman (Pengerusi) | # Brian Christopher Barrow (meletak jawatan pada 31.10.2000) |
| * Tan Sri Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin | # Johann Roelofse (dilantik pada 15.12.2000) |
| * Dato' Dr Mohd. Noor bin Ismail | * Pengarah Bukan Eksekutif Bebas |
| * Mej. Jen. (B) Dato' Haji Fauzi bin Hussain | # Pengarah Bukan Eksekutif |
| * Oh Chong Peng | |

Asas Rujukan

A. Keahlian

Lembaga Pengarah Syarikat akan melantik majoriti ahli dari kalangan Pengarah Bukan Eksekutif yang tidak mempunyai kepentingan perniagaan dengan Syarikat dan Kumpulan sebagai ahli Jawatankuasa Audit. Pengerusi perlu merupakan seorang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

Selain daripada keadaan yang tidak sesuai menurut pertimbangan Pengerusi, Juruaudit Luar dan Pengarah Kewangan lazimnya berhak untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa dan mengemukakan pandangan mereka mengenai sebarang perkara di bawah pertimbangan Jawatankuasa, atau yang pada pendapat mereka perlu dibawa kepada perhatian Jawatankuasa.

B. Mesyuarat dan minit

Jawatankuasa ini akan bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali setahun dengan kehadiran sekurang-kurangnya tiga ahli atau 50 peratus daripada Jawatankuasa, yang mana lebih tinggi. Ia akan melaporkan kepada Lembaga Pengarah dan minitnya akan dibentangkan dan diberi perhatian oleh Lembaga Pengarah.

Pengurus Audit Dalaman akan menjadi Setiausaha Jawatankuasa Audit dan akan menyedia dan mengedarkan minit mesyuarat kepada ahli-ahli Jawatankuasa, baki anggota Lembaga Pengarah dan Juruaudit Luar.

C. Bidang Kuasa

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyemak sebarang aktiviti di dalam Syarikat dan Kumpulan. Ia diberi kuasa untuk mendapatkan maklumat yang diperlukannya daripada mana-mana Pengarah atau ahli pengurusan dan semua kakitangan diarahkan untuk bekerjasama terhadap sebarang permintaan yang dibuat oleh Jawatankuasa.

Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan nasihat perundangan luar atau sebarang nasihat profesional bebas lain dan mendapatkan kehadiran pihak luar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran berkaitan jika ia dianggap perlu.

Jawatankuasa ini juga diberi kuasa untuk menyemak semula perlantikan Pengurus Juruaudit Dalaman Syarikat dan Kumpulan.

D. Objektif Jawatankuasa Audit

Dengan ditentukan oleh Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit perlu berpuashati melalui cara dan maklumat yang sesuai, bahawa sistem kawalan dalaman yang sempurna dan memuaskan digunakan di dalam Syarikat untuk mengenalpasti dan membendung risiko perniagaan, dan bahawa perniagaannya dijalankan dalam keadaan yang sesuai, baik dari segi ekonomi dan beretika.

Bidang-bidang khusus yang diberi tumpuan adalah untuk memastikan proses terbaik bagi:

- Mengenalpasti dan menguruskan risiko perniagaan utama
- Kecekapan dan keberkesanan kawalan operasi
- Menjaga harta-harta
- Kewibawaan maklumat kewangan dan pengurusan lain
- Mematuhi undang-undang dan peraturan negara yang berkaitan
- Mematuhi Penyata Pelaksanaan Perniagaan


E. Tugas-tugas Jawatankuasa Audit

1. Untuk mengkaji setiap pernyataan kewangan suku tahunan, setengah tahunan dan tahunan Lembaga Pengarah, dengan memfokus secara khusus terhadap:
 - Sebarang perubahan penting kepada dasar dan amalan perakaunan
 - Pelarasian penting yang timbul daripada audit
 - Kepatuhan terhadap piawaian perakaunan dan keperluan perundangan lain
 - Urusniaga pihak berkaitan yang mungkin timbul di dalam Syarikat dan Kumpulan
2. Untuk mempertimbangkan prosedur Pengurusan Risiko Perniagaan yang digunakan di dalam Syarikat dan Kumpulan dan berpuashati bahawa penilaian dan pengurusan risiko tersebut sesuai.
3. Untuk memastikan bahawa sistem kawalan dalaman difahami dengan baik dan ditadbir dengan berkesan dan mendapatkan kepastian bahawa sistem kawalan tersebut dilaksanakan, beroperasi dengan cekap dan diawasi dari semasa ke semasa.
4. Untuk membolehkan kajian dibuat berhubung tahap kepatuhan terhadap dasar-dasar, rancangan, prosedur, undang-undang dan peraturan yang telah digariskan. Untuk menyemak setiap tahun program-program bagi mengawasi pematuhan terhadap Penyata Pelaksanaan Kumpulan dan Syarikat.
5. Untuk mendapatkan kepastian bahawa rancangan yang sewajarnya bagi tujuan kawalan telah diwujudkan sebelum permulaan perubahan bidang-bidang utama perubahan di dalam Kumpulan dan Syarikat.
6. Untuk berpuashati bahawa strategi, rancangan, cara dan penyelarasian pengauditan dalaman dan kaedah-kaedah yang disebarluaskan sebagai amalan terbaik telah disampaikan kepada seluruh Kumpulan dan Syarikat. Secara khusus:
 - Untuk mengkaji pemanduan rancangan audit dalaman untuk Kumpulan dan Syarikat dan berpuashati terhadap keseragaman, liputan dan kaedahnya
 - Untuk berpuashati bahawa fungsi audit dalaman di dalam Kumpulan dan Syarikat mempunyai sumber yang sewajarnya dan kedudukan yang sesuai untuk membolehkan mereka menyempurnakan mandat mereka dan meluluskan rancangan audit
 - Mengkaji status laporan daripada audit dalaman dan mencadangkan sebarang semakan lebih luas yang dianggap sesuai kesan daripada isu-isu tersebut atau masalah yang telah dikenalpasti
 - Memastikan audit dalaman mempunyai maklumat penuh, bebas dan tidak terhad kepada semua aktiviti, rekod, hartaanah dan keperluan kakitangan untuk memenuhi objektifnya yang dikehendaki
 - Meminta dan mengkaji sebarang audit khas yang dianggap perlu
7. Untuk mengkaji skop, yuran dan keselarasan juruaudit luar dan berpuashati bahawa skop audit pada setiap syarikat subsidiari dipertimbangkan. Setiap tahun, berpuashati bahawa juruaudit luar menyediakan perkhidmatan yang cekap dan berkesan dalam setiap syarikat subsidiari di dalam Kumpulan. Jawatankuasa ini akan mempertimbangkan pendapat yang kukuh berhubung kualiti audit luar pada salah satu daripada mesyuaratnya.
8. Untuk mengkaji dan menilai faktor-faktor yang berkaitan dengan kebebasan juruaudit luar dan membantu mereka mengekalkan kebebasan tersebut.
9. Untuk diberi nasihat berhubung kepentingan penggunaan juruaudit luar dalam menjalankan perkhidmatan bukan audit di dalam Syarikat dan Kumpulan, mempertimbangkan jenis perkhidmatan yang diberi dan yuran mereka dengan kedudukan sebagai juruaudit yang dianggap tidak boleh ditolak ansur.
10. Untuk mengkaji penemuan juruaudit luar yang timbul daripada audit pertengahan dan akhir mengenai isu-isu perakaunan, khususnya sebarang komen dan maklum balas di dalam surat pengurusan untuk membolehkannya berpuashati bahawa tindakan yang sesuai sedang dilaksanakan.
11. Untuk mencadangkan kepada Pengarah Urusan langkah-langkah memperbaiki sistem kawalan dalaman hasil daripada penemuan juruaudit dalaman dan luaran serta daripada khidmat nasihat Jawatankuasa Audit sendiri.
12. Untuk berpuashati bahawa setiap unit perniagaan mempunyai penyusunan yang memuaskan untuk mengawalselia kawalan dalam menyesuaikan dengan kuasa yang diberi kepada mereka.

Maklumat Penting Kewangan Lima Tahun

| | Tahun kewangan dari 1.1.00 hingga 31.12.00 RM'000 | Tempoh kewangan dari 1.4.99 hingga 31.12.99 RM'000 | Tahun kewangan dari 1.4.98 hingga 31.3.99 RM'000 | Tahun kewangan dari 1.4.97 hingga 31.3.98 RM'000 | Tahun kewangan dari 1.4.96 hingga 31.3.97 RM'000 |
|---|---|--|--|--|--|
| Hasil | 2,772,008 | 1,545,152 | 1,947,190 | 1,963,619 | 1,763,714 |
| Keuntungan daripada operasi | 756,568 | 331,739 | 616,936 | 652,051 | 557,762 |
| Kos pembiayaan | (57,905) | (10,184) | - | - | - |
| Bahagian keputusan sebuah syarikat bersekutu | 2,522 | 759 | (293) | 1,482 | 1,883 |
| Keuntungan sebelum cukai | 701,185 | 322,314 | 616,643 | 653,533 | 559,645 |
| Keuntungan bersih milik para pemegang saham | 505,958 | 226,610 | 628,574 | 482,546 | 420,605 |
| Dividen tahunan bersih dibayar/akan dibayar | 485,401 | 287,814 | 442,572 | 442,001 | 319,794 |
| Dividen khas bersih dibayar | - | - | - | 259,832 | - |
| Modal terbitan | 142,765 | 142,765 | 142,765 | 142,765 | 142,765 |
| Dana pemegang saham | 367,206 | 346,649 | 407,853 | 221,851 | 441,138 |
| Hartanah, loji dan peralatan | 490,643 | 495,317 | 215,926 | 179,075 | 143,615 |
| Syarikat bersekutu & pelaburan tidak tercatat | 23,398 | 23,907 | 23,383 | 25,285 | 21,981 |
| Muhibah semasa penyatuan | 520,894 | 542,746 | - | - | - |
| Cap perdagangan | 2,072 | 2,072 | 2,072 | 2,072 | 2,072 |
| Harta semasa | 860,968 | 836,322 | 673,590 | 680,624 | 852,378 |
| Jumlah harta | 1,897,975 | 1,900,364 | 914,971 | 887,056 | 1,020,046 |
| Tanggungan jangka panjang & tertunda | 757,642 | 757,642 | 4,970 | 4,868 | 5,571 |
| Tanggungan semasa | 773,127 | 796,073 | 502,148 | 660,337 | 573,337 |
| Jumlah tanggungan | 1,530,769 | 1,553,715 | 507,118 | 665,205 | 578,908 |
| Pendapatan sesaham (sen) | 177 | 79 | 220 | 169 | 147 |
| Dividen bersih sesaham (sen) | 170.0 | 100.8 | 155.0 | 245.8 | 112.0 |
| Pulangan bersih atas dana pemegang saham (%) | 137.8 | 65.4 | 154.1 | 217.5 | 95.3 |
| Harta ketara bersih atas sesaham (RM) | (0.55) | (0.69) | 1.42 | 0.77 | 1.54 |
| Nisbah harta semasa (1) | 1.1 | 1.1 | 1.3 | 1.0 | 1.5 |
| Bilangan kakitangan | 1,346 | 1,555 | 1,326 | 1,416 | 1,398 |

Maklumat Harga Saham



| | JAN '00 | FEB '00 | MAC '00 | APR '00 | MEI '00 | JUN '00 | JUL '00 | AGO '00 | SEP '00 | OKT '00 | NOV '00 | DIS '00 |
|--------------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|
| Tinggi (RM) | 29.75 | 28.50 | 29.00 | 30.25 | 33.00 | 33.25 | 33.00 | 37.00 | 36.00 | 37.75 | 38.25 | 37.50 |
| Rendah (RM) | 27.75 | 27.75 | 27.75 | 28.25 | 30.00 | 30.50 | 29.25 | 33.00 | 33.25 | 34.75 | 33.00 | 35.00 |
| Volum ('000) | 4,380 | 6,986 | 4,262 | 6,310 | 8,328 | 9,035 | 5,154 | 2,357 | 2,949 | 3,853 | 3,168 | 2,118 |

Kandungan

Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan

- | | |
|---------|--|
| 92-94 | Laporan Pengarah |
| 95 | Penyata oleh Para Pengarah |
| 95 | Akuan Berkanun |
| 96 | Laporan Juruaudit |
| 97 | Penyata Pendapatan |
| 98 | Kunci Kira-kira |
| 99 | Penyata Perubahan Ekuiti yang Disatukan |
| 100 | Penyata Perubahan dalam Ekuiti Syarikat |
| 101 | Penyata Aliran Tunai |
| 102-105 | Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting |
| 106-121 | Nota-nota kepada Penyata Kewangan |
| 122-123 | Statistik Pegangan Saham |
| 123-124 | Senarai Hartanah |
| 125 | Pejabat-pejabat Utama |
| 126 | Menangani masalah merokok di kalangan kumpulan bawah umur |
| | Borang Proksi |

Laporan Pengarah

Laporan Pengarah

Para Pengarah dengan sukacitanya mengemukakan laporan mereka dan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2000.

Aktiviti Utama

Syarikat menyediakan perkhidmatan pentadbiran dan pengurusan harian kepada syarikat-syarikat subsidiariya yang terlibat terutamanya dalam bidang pengilangan, pengimportan dan penjualan rokok, tembakau paip, cerut, perkhidmatan pelancongan dan penjualan barang pengguna mewah.

Tidak berlaku sebarang perubahan ketara di dalam bentuk aktiviti-aktiviti ini pada tahun kewangan.

Keputusan Kewangan

| | Kumpulan RM'000 | Syarikat RM'000 |
|---|--------------------|--------------------|
| Keuntungan sebelum cukai | 701,185 | 672,369 |
| Cukai | (195,227) | (188,449) |
| Keuntungan bersih milik para pemegang saham | 505,958 | 483,920 |

Dividen

RM'000

Dividen yang dibayar oleh Syarikat sejak 31 Disember 1999 adalah seperti berikut:

Berhubung dengan 9 bulan berakhir 31 Disember 1999, seperti yang ditunjukkan di dalam penyata Pengarah bagi tempoh tersebut:

| | |
|--|---------|
| Dividen pertengahan 72 sen sesaham, dikecualikan cukai, dibayar pada 19 Januari 2000 | 205,582 |
| Dividen kasar akhir 40 sen sesaham, tolak 28% cukai, dibayar pada 5 Mei 2000 | 82,232 |

Berhubung tahun berakhir 31 Disember 2000:

| | |
|--|---------|
| Dividen kasar pertengahan 109.72 sen sesaham, tolak 28% cukai, dibayar pada 11 September, 2000 | 225,569 |
|--|---------|

Para Pengarah sekarang mencadangkan pengisytiharan dividen kasar akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2000, sebanyak 126.39 sen sesaham, tolak 28% cukai berjumlah RM259,832,300. Tertakluk kepada kelulusan ahli-ahli di Mesyuarat Agung Tahunan, dividen dicadangkan akan dibayar pada 11 Mei 2001 kepada para pemegang saham semasa tutup perniagaan pada 20 April 2001.

Laporan Pengarah (Sambungan)

Rizab dan Peruntukan

Semua pindahan penting kepada dan daripada rizab dan peruntukan pada tahun kewangan ini ditunjukkan di dalam penyata kewangan.

Para Pengarah

Para Pengarah yang memegang jawatan sepanjang tahun kewangan ini sejak tarikh laporan yang lepas terdiri daripada:

Tan Sri Abu Talib bin Othman
Donald Stuart Watterton
Tan Sri Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin
Dato' Dr Mohd. Noor bin Ismail
Mej. Jen. (B) Dato' Haji Fauzi bin Hussain
Oh Chong Peng
Chan Choon Ngai
James Campbell Irvine
Dato' Phan Boon Siong
Dr. Syed Hussain bin Syed Husman
Johann Roelofse (*dilantik pada 15 Disember 2000*)
Brian Christopher Barrow (*meletak jawatan pada 31 Oktober 2000*)
Rohana binti Ismail (*meletak jawatan pada 13 Disember 2000*)
(*Pengarah pengganti kepada Dato' Haji Mohd. Noor bin Ismail*)
Syed Agil bin Syed Ali (*meletak jawatan pada 7 Februari 2001*)

Selaras dengan Artikel 91 dan 92 Tataurusan Pertubuhan Syarikat, Dato' Phan Boon Siong, Encik Oh Chong Peng dan Dr Syed Hussain bin Syed Husman bersara mengikut giliran, dan oleh kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.

Selaras dengan Artikel 76 Tataurusan Pertubuhan Syarikat, Encik Johann Roelofse yang telah dilantik ke Lembaga Pengarah sejak Mesyuarat Agung Tahunan lepas, bersara dan oleh kerana layak, juga menawarkan diri untuk dilantik semula.

Manfaat Para Pengarah

Pada sepanjang dan akhir tahun ini, tiada sebarang urusan yang telah dilaksanakan yang mana Syarikat merupakan satu pihak dengan tujuan atau tujuan-tujuan yang membolehkan para Pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui pengambilan saham atau debentur di dalam Syarikat atau sebarang badan korporat lain.

Sejak akhir tempoh kewangan lepas, tiada Pengarah yang telah menerima atau layak untuk menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang dimasukkan di dalam jumlah agregat emolumen yang ditunjukkan di dalam Nota 5 kepada penyata kewangan) disebabkan oleh sebuah kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau sebuah syarikat berkaitan dengan Pengarah tersebut atau dengan sebuah firma di mana Pengarah berkenaan merupakan seorang ahli, atau dengan sebuah syarikat di mana Pengarah berkenaan mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

Kepentingan Para Pengarah Dalam Saham

Menurut daftar pemegangan saham para Pengarah, butir-butir kepentingan para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun ini dalam saham Syarikat adalah seperti berikut:

| | Bilangan saham biasa bernilai 50 sen sesaham dalam Syarikat | | | |
|---|---|---------------|---------------|--------------------------------|
| | Pada 1.1.00 | Dibeli | Dijual | Pada 31.12.00 |
| Pegangan saham di bawah nama Pengarah: | | | | |
| Tan Sri Abu Talib bin Othman | 1,000 | - | - | 1,000 |
| Tan Sri Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin | 1,000 | - | - | 1,000 |
| Dato' Dr Mohd. Noor bin Ismail | 1,000 | - | - | 1,000 |
| Mej. Jen. (B) Dato' Haji Fauzi bin Hussain | 1,000 | - | - | 1,000 |
| Chan Choon Ngai | 1,000 | - | - | 1,000 |
| Oh Chong Peng | 1,000 | - | - | 1,000 |
| Syed Agil bin Syed Ali | 1,000 | - | - | 1,000 |
| Dato' Phan Boon Siong | 1,000 | - | - | 1,000 |
| Dr Syed Hussain bin Syed Husman | 1,000 | - | - | 1,000 |
| Donald Stuart Watterton | 2,000 | - | - | 2,000 |
| James Campbell Irvine | 1,000 | - | - | 1,000 |
| Pegangan saham yang Pengarah dianggap mempunyai kepentingan: | | | | |
| Tan Sri Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin | 3,320 | - | - | 3,320 |

Pegangan saham yang Pengarah dianggap mempunyai kepentingan:

Tiada Pengarah lain yang memegang sebarang kepentingan dalam saham Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan pada tahun kewangan.

Laporan Pengarah (Sambungan)

Maklumat berkanun mengenai Penyata Kewangan

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang berpatutan:

- untuk memastikan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang lapuk dan penyediaan peruntukan bagi hutang ragu dan mereka telah berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang secukupnya telah dibuat untuk hutang ragu; dan
- untuk memastikan bahawa sebarang harta semasa, selain daripada hutang, yang tidak mungkin akan diperolehi dalam urusan biasa perniagaan yang nilainya ditunjukkan di dalam rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah diturunkan kepada satu jumlah yang dijangka boleh diperolehi.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan:

- yang boleh menyebabkan jumlah yang dihapuskira bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi; atau
- yang boleh menyebabkan nilai harta semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau
- yang timbul menyebabkan kepatuhan kepada kaedah semasa penilaian harta atau tanggungan Kumpulan mengelirukan atau tidak sesuai.

Tiada tanggungan luarjangka atau tanggungan lain berkuatkuasa atau berkemungkinan akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau boleh menjelaskan dengan ketara kemampuan Kumpulan atau Syarikat untuk memenuhi tanggungjawab mereka apabila tiba masanya kelak.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- sebarang cagaran ke atas harta Kumpulan dan Syarikat telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin tanggungan sebarang pihak lain; atau
- sebarang tanggungan luarjangka Kumpulan dan Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan yang tidak diliputi di dalam laporan atau penyata kewangan ini yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada pendapat para Pengarah:

- keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan ini tidak dijejaskan dengan ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan berbentuk luarbiasa; dan
- tidak timbul sepanjang tempoh antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan berbentuk luarbiasa yang berkemungkinan boleh menjelaskan dengan ketara operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan laporan ini dibuat.

Juruaudit

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesediaan mereka untuk terus berkhidmat.

Menurut satu resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 21 Februari 2001



Donald Stuart Watterton
Pengarah Urusan



James Campbell Irvine
Pengarah Kewangan

Petaling Jaya

Penyata oleh Para Pengarah Menurut seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Kami, DONALD STUART WATTERTON dan JAMES CAMPBELL IRVINE, dua orang Pengarah British American Tobacco (Malaysia) Berhad, menyatakan bahawa pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 97 hingga 121 disediakan untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama berhubung kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2000 dan keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut adalah menurut piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Menurut satu resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 21 Februari 2001



Donald Stuart Watterton
Pengarah Urusan



